

# Dr M nasihat Pemuda Umno utamakan masalah besar

BH - 2/4/2005: 15

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, masalah besar yang dihadapi orang Melayu sekarang seperti rasuah, dadah serta HIV/Aids perlu diberi tumpuan dan bukan perkara kecil lain yang kurang penting.

Ini adalah antara nasihat bekas Perdana Menteri itu kepada rombongan Pemuda Umno yang diketuai Pengerusi Biro Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Warisannya, Azizul Nizam Bidin yang mengunjunginya di sini, semalam.

"Dia orang (Pemuda) nak bincang berkenaan kebudayaan dan kesenian. Saya bagi pendapat saya mengenai masalah besar yang dihadapi orang Melayu sekarang ini... soal rasuah, soal dadah, soal HIV/Aids.

"Kenapa tumpuan patut diberi kepada perkara yang besar ini dan tidak soal sama ada orang Melayu yang duduk atas kereta api itu berkelakuan baik atau tidak...itu perkara kecil," katanya kepada pemberita selepas dialog kira-kira sejam dengan rombongan 30 ahli pergerakan itu di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan

sekarang sudah berusaha sedaya upaya misalnya untuk membantaras masalah rasuah termasuk dalam Umno.

Dr Mahathir juga menerima baik penubuhan Putera Umno, satu entiti baru yang dianggapnya wadah terbaik dalam usaha mendidik generasi muda sejak awal.

"Baguslah yang itu...saya ingat, kita patut pegang, tangkap dia awal-awal lagi," katanya.

Bekas Perdana Menteri itu turut ditanya mengenai hasrat seorang kanak-kanak di Pulau Nias, Indonesia bernama Mahathir Mohamad yang teringin menemuinya kerana kagum dengan ketokohan pemimpin itu.

"Saya tak tahu macam mana nak buat, dia duduk di Pulau Nias...macam mana dia nak boleh jumpa dengan saya, saya tak tahulah," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau tiada rancangan untuk ke pulau yang landa gempa bumi itu kecuali ada pihak terutama media yang mengatur pertemuannya dengan kanak-kanak berumur sembilan tahun itu.

Kelmarin, sebuah akhbar tempatan melaporkan bahawa Mahathir adalah anak yatim piatu dan ingin



**DR MAHATHIR** berbincang dengan Azizul Nizam (depan dua dari kanan) di Yayasan Kepimpinan Perdana, semalam. - Gambar oleh Ramdzan Masiam

menemui Dr Mahathir kerana diberitahu mengenai kepintaran serta budiman pemimpin berkenaan.

Sementara itu, Azizul berkata,

pertemuan itu adalah antara atur cara biro bagi mendampingi pemimpin agung seperti Dr Mahathir dan membincangkan masalah orang Melayu.

"Misalnya dalam isu rasuah, Tun Dr Mahathir kata usaha membantarasnya patut bermula daripada dalam Umno sebelum berbuat demikian di tempat lain," katanya.